

KHUTBAH JUMAAT
“MENANGANI JENAYAH KEWANGAN”
(11 Julai 2025M/ 15 Muharam 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَائِنِهِ. وَأَشْهُدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الدَّاعِيِّ إِلَى رِضْوَانِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اُوصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '*Menangani Jenayah Kewangan*'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam dunia yang semakin kompleks ini, jenayah kewangan atau 'scam' menjadi ancaman yang kian membimbangkan. Jenayah ini tidak mengenal siapa pun sebagai mangsa. Oleh itu, kewaspadaan dan penilaian yang bijaksana amatlah penting. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Isra', ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْؤُلًا (٣٦)

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengikuti apa-apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya, pendengaran, penglihatan serta hati semuanya itu akan dipertanggungjawabkan.*

Ayat tadi mengajak kita untuk bersikap berhati-hati, bijaksana, dan bertanggungjawab dalam menerima dan menyebarkan informasi, memastikan kebenarannya untuk menghindari mudarat bagi diri sendiri dan orang lain. Hal ini bertepatan dengan salah satu prinsip maqasid syariah iaitu menjaga harta daripada segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Keinginan untuk cepat kaya sering kali mengaburi kewarasan kita. Kita harus berusaha mengekalkan sikap berhati-hati dengan menilai, menganalisis dan menimbang pelbagai aspek terlebih dahulu sebelum membuat keputusan atau menerima sesuatu sebagai sahih. Tujuannya, agar kita tidak mudah terpedaya dengan skim-skim penipuan yang akan merugikan diri dan keluarga.

Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia, negara telah mencatatkan lebih 35,000 kes penipuan yang melibatkan jenayah kewangan pada tahun 2024 yang

mengakibatkan kerugian sehingga RM1.6 billion. Hal ini sangat membimbangkan terutama dengan peningkatan jumlah kes dan kerugian yang terus meningkat dari tahun ke tahun.

Pada zaman yang serba moden ini, kemajuan teknologi digital dilihat banyak memberikan manfaat jika digunakan dengan baik dan betul. Pada masa yang sama, kemajuan tersebut membuka ruang kepada jenayah penipuan siber yang dijalankan oleh 'scammer'. Mereka menggunakan pelbagai cara untuk menipu termasuklah penggunaan teknologi canggih seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), menyamar sebagai pihak berkuasa atau individu berpengaruh seperti tokoh ilmuan dan agama. Semuanya dengan tujuan untuk menipu mangsa agar percaya dengan penipuan mereka sehingga sanggup memberikan maklumat peribadi dan data perbankan secara sedar atau tanpa sedar. Modus operandi (cara) ini sering berubah-ubah bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak penguatkuasa undang-undang.

Masyarakat yang terdesak atau ingin mencari pendapatan lebih juga mudah menjadi sasaran penjenayah siber ini. Mereka sering alpa dan mudah terpedaya dengan amanah yang dipertanggungjawabkan dek habuan kewangan yang ditawarkan sehingga sanggup bersubahat menjadi keldai akaun. Individu ini biasanya secara sedar atau tidak sedar menjadi 'keldai' kepada penjenayah, dengan membiarkan akaun mereka digunakan untuk memindahkan wang hasil aktiviti penipuan oleh 'scammer'. Perbuatan ini bukan sahaja melanggar undang-undang, bahkan

dianggap sebagai tidak amanah, dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sangat menekankan sifat AMANAH, iaitu tanggungjawab dan kejujuran. Orang yang menjual akaun banknya dengan sengaja dan membantu penjenayah akan menanggung akibatnya di sisi undang-undang dan di hadapan Allah *subhanahu wata'ala* kelak di akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anfal, ayat 27:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَإِنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya serta janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu walhal kamu mengetahui (salahnya).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada hari ini, khatib ingin berpesan dan mengingatkan kepada kita semua agar sentiasa memohon kepada Allah *subhanahu wata'ala* untuk diberikan perlindungan kepada kita, keluarga dan masyarakat daripada segala tipu daya dunia, diberikan kekuatan untuk menolak godaan untuk cepat kaya dengan jalan yang salah dan tidak diberkati, serta diberikan petunjuk untuk selalu berhati-hati dan bersifat amanah dalam setiap tindakan kita. Antara langkah yang boleh kita ambil sebagai pedoman dalam kehidupan seharian:

Pertama: Teladani sifat bijaksana (*fatanah*) Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Salah satu sifat agung Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* ialah 'fatanah'. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bukan sahaja cerdas dalam ilmu, tetapi juga bijak dalam bertindak, berhati-hati dalam menerima maklumat, dan tidak mudah diperdaya. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* mengajarkan kita untuk tidak terburu-buru dalam membuat keputusan, lebih-lebih lagi dalam situasi yang boleh memberi kesan kepada diri sendiri dan orang lain. Daripada Ibnu Umar *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ ...))

Maksudnya: Orang yang paling dikasihi oleh Allah Ta'ala adalah orang yang paling bermanfaat bagi manusia lainnya.

(*Hadis riwayat Imam at-Tabarani*)

Hadis tadi menekankan bahawa dalam setiap tindakan dan keputusan yang kita ambil hendaklah mempertimbangkan kesannya terhadap orang lain dan masyarakat secara keseluruhan. Ini adalah prinsip penting yang mengajarkan kita tentang kebijaksanaan dalam semua aspek kehidupan terutama di era moden ini termasuk mengelak daripada penyebaran maklumat palsu dan penipuan dalam talian. Janganlah kita mudah terpengaruh dengan tawaran yang nampak terlalu baik untuk menjadi kenyataan. Sebaliknya, kita mestilah memastikan kesahihan setiap maklumat sebelum bertindak.

Kedua: Sentiasa bersikap rasional sebelum bertindak.

Islam mengajar umatnya agar berfikir dengan mendalam dan tidak

terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((التَّائِي مِنَ اللَّهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ))

Maksudnya: Ketenangan datangnya daripada Allah, sedangkan tergesa-gesa datangnya daripada syaitan.

(*Hadis riwayat Imam al-Baihaqi dalam as-Sunan al-Kubra*)

Hadis tadi mengingatkan kita tentang pentingnya bersabar dan berfikir dengan teliti sebelum melakukan sebarang tindakan.

Scammer masa kini menggunakan pelbagai medium seperti panggilan telefon, emel, promosi di laman media sosial dan aplikasi perbankan untuk mengelirukan mangsa. Keadaan ini sering menyebabkan mangsa cepat panik dan takut, membuatkan kita mudah terpedaya dan menyerahkan maklumat perbankan atau memindahkan wang tanpa berfikir panjang.

Justeru, khatib ingin mengingatkan para jemaah sekalian agar sentiasa bersikap rasional dan berhati-hati bagi mengelakkan diri daripada terdorong membuat keputusan secara tergesa-gesa, terutamanya jika melibatkan maklumat perbankan peribadi atau pemindahan wang. Bagi pengguna telefon pintar, elakkan menekan sebarang pautan yang diterima daripada pihak yang tidak dikenali atau memuat turun aplikasi yang meragukan.

Ketiga: Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Dzaariyat, ayat 55:

وَذَكْرٌ فِي أَنَّ الْذِكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ (٥٥)

Maksudnya: *Dan tetap tekunlah kamu memberi peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat kepada orang yang beriman.*

Ayat tadi mengingatkan kita tentang pentingnya berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran. Dalam konteks kehidupan kita di era digital ini, nasihat ini sangatlah relevan, lebih-lebih lagi dengan adanya ancaman penipuan siber yang semakin berleluasa.

Penipuan siber adalah satu bentuk jenayah yang boleh menjelaskan keselamatan dan kesejahteraan kita. Ia boleh berlaku melalui pelbagai cara seperti pancingan data dan pencurian identiti. Oleh itu, sebagai anggota komuniti, kita mempunyai tanggungjawab untuk saling mengingatkan dan melindungi antara satu sama lain daripada bahaya penipuan siber.

Anak-anak perlu aktif memberikan bimbingan dan penjelasan yang jelas agar dapat membantu orang tua kita mengelakkan diri daripada terjebak dalam situasi yang merugikan. Lakukanlah dengan penuh empati dan hormat agar maklumat tersebut dapat diterima dengan baik. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berpesan dengan kebenaran dan kesabaran. Didiklah diri kita dan ahli keluarga kita tentang pentingnya menjaga keselamatan digital, serta berwaspada terhadap penipuan dan ancaman yang boleh merugikan.

Bagi membantu orang awam yang menjadi mangsa penipuan kewangan, Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) melalui talian 997 yang beroperasi dari jam 8:00 pagi hingga 8:00 malam berfungsi sebagai pusat operasi untuk menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian. Ia mempercepat pengesahan dana dicuri dan tindakan penguatkuasaan terhadap penjenayah. Sehubungan itu, mangsa adalah disaran agar bertindak cepat dengan menghubungi talian tersebut sekiranya telah menjadi mangsa penipuan kewangan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa intipati yang boleh kita ambil sebagai pedoman;

Pertama : Umat Islam hendaklah amanah dalam memastikan akaun bank mereka tidak digunakan untuk aktiviti yang melanggar undang-undang seperti menerima pemindahan wang hasil aktiviti penipuan oleh 'scammer'.

Kedua : Jenayah penipuan siber menggunakan pelbagai cara untuk menipu mangsa agar percaya dan sanggup memberikan maklumat peribadi dan data perbankan secara sedar atau tanpa sedar.

Ketiga : Islam mengajar umatnya agar bijaksana dan tidak terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 29 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِحْرَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا (٢٩)

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan (menggunakan) harta sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali melalui perniagaan yang dilakukan atas dasar redha-meredhai (suka sama suka) antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri! Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Perkukuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يٰأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ
وَسِّلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّهِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارْكَتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيهِ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, peliharalah kami daripada tipu daya manusia yang durjana. Kurniakanlah kepada kami hati yang tulus, amanah dan akal yang cerdas dalam berurusan dengan dunia digital pada hari ini.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat keselamatan, keafiatan serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan dikurniakan kelapangan dan ketenangan hidup.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ . وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ . يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ . وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَرِدُكُمْ . وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ . وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ . أَقِيمُوا الصَّلَاةَ .